



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 13/2022**

**PERKARA-PERKARA BERKAITAN PERAMPASAN TANAH DI BAWAH KANUN  
TANAH NEGARA [AKTA 828]**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2022**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2022

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 13/2022
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya.
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	<a href="mailto:bdk@jkptg.gov.my">bdk@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

**Kawalan Versi Dokumen**

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 13/2022**

**Perkara-Perkara Berkaitan Perampasan Tanah Di Bawah Kanun Tanah Negara  
[Akta 828]**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pentadbir Tanah mengenai beberapa perkara penting berkaitan perampasan tanah di bawah Kanun Tanah Negara [Akta 828].

**PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Tindakan perampasan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah tindakan terakhir yang perlu diambil akibat kegagalan tuan tanah membuat bayaran sewa termasuk tunggakan yang dituntut oleh Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan seksyen 100 Akta 828 atau akibat pelanggaran apa-apa syarat dalam dokumen hakmilik oleh tuan tanah berdaftar atau mana-mana pihak berkepentingan selaras dengan seksyen 129 Akta 828.

3. Tindakan perampasan tanah hanya boleh dilaksanakan oleh Pentadbir Tanah setelah tempoh notis 6A selaras dengan seksyen 97 Akta 828 tamat dan bukan sebelum atau semasa tempoh notis. Dalam seksyen 100 Akta 828 adalah dinyatakan bahawa Pentadbir Tanah akan mengisytiharkan perintah perampasan tanah dan tanah tersebut akan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri. Adalah dicadangkan bahawa contoh perintah tersebut adalah seperti berikut:-

***Perintah Pentadbir Tanah di bawah Seksyen 100 Akta 828***

*Bahawasanya notis tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara (Disemak 2020) [Akta 828] telah disampaikan kepada tuan tanah berdaftar yang memiliki tanah menurut ..... (Perihal dan No. hakmilik) No. lot /PT..... Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... pada ..... 20..... dan juga satu catatan mengenai penyampaiannya telah diendorskan dalam dokumen hakmilik daftar pada ..... 20.....No. Perserahan .....*

*Bahawasanya tuan tanah berdaftar telah gagal menyerahkan (membayar) sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia.....) seperti yang dinyatakan dalam notis tersebut pada atau sebelum ..... 20.....*

Oleh itu saya dengan perintah ini mengisytiharkan tanah tersebut dirampas supaya terletak hak kepada Pihak Berkuasa Negeri.....

Bertarikh pada ..... haribulan ..... 20.....

Mohor

.....

Pentadbir Tanah

Daerah .....

4. Bagi tindakan perampasan tanah akibat pelanggaran syarat oleh tuan tanah berdaftar selaras dengan seksyen 129 Akta 828, Pentadbir Tanah setelah melaksanakan satu siasatan selaras dengan seksyen 129(4) dan pada tarikh siasatan yang dinyatakan dalam Borang 7B berpuas hati dengan hasil siasatan bahawa pelanggaran syarat tersebut tidak diperbaiki oleh tuan tanah berdaftar atau orang berkepentingan maka selaras dengan seksyen 129(4)(c) boleh mengisytiharkan perintah perampasan tanah dan tanah menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri. Adalah dicadangkan bahawa contoh perintah tersebut adalah seperti berikut:-

***Perintah Pentadbir Tanah di bawah Seksyen 129(4)(c) Akta 828***

*Bahawasanya satu siasatan telah dibuat oleh saya pada .....20 ..... berikutan dengan satu notis dalam Borang 7B Kanun Tanah Negara (Disemak 2020) [Akta 828] yang disampaikan pada ..... 20 ..... dan juga catatan mengenai penyampaiannya telah diendorskan dalam dokumen hakmilik daftar pada.....No. Perserahan .....*

*Bahawasanya dalam siasatan tersebut adalah didapati iaitu tuan tanah berdaftar yang memiliki tanah menurut ..... (Perihal dan No. hakmilik) No. lot/PT ..... Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... telah gagal memulihkan pelanggaran syarat dan tambahan masa tidak wajar diberikan untuk memulihkan pelanggaran tersebut.*

*Oleh itu saya dengan perintah ini mengisytiharkan tanah tersebut dirampas supaya terletak hak kepada Pihak Berkuasa Negeri.*

Bertarikh pada ..... haribulan ..... 20 .....

Mohor .....

Pentadbir Tanah

Daerah .....

5. Walau bagaimanapun, semasa siasatan di bawah subseksyen 129(4)(b), Pentadbir Tanah boleh membenarkan pelanjutan tempoh kepada tuan tanah berdaftar atau orang berkepentingan untuk membuat pembetulan. Suatu perintah yang spesifik perlu dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah bagi maksud pembetulan tersebut dan juga tempoh masa yang spesifik bagi tindakan pembetulan spesifik tersebut perlu diberikan. Adalah dicadangkan bahawa contoh perintah tersebut adalah seperti berikut:-

***Perintah Pentadbir Tanah di bawah Seksyen 129(4)(b) Akta 828***

*Bahawasanya satu siasatan telah dibuat oleh saya pada ..... 20.....  
berikutan dengan satu notis dalam Borang 7B Kanun Tanah Negara (Disemak  
2020) [Akta 828] yang disampaikan pada ..... 20.....*

*Bahawasanya saya berpendapat iaitu masa/tambahan masa patut diberi  
kepada tuan tanah berdaftar yang dimiliki menurut ..... (Perihal  
dan No. hakmilik) No. Lot/PT ..... Bandar/Pekan/Mukim  
..... Daerah ..... untuk memulihkan  
perlanggaran syarat tersebut dan tempoh selama ..... yang berakhir  
pada ..... 20 ..... telahpun dibenarkan.*

Bertarikh pada ..... haribulan ..... 20.....

Mohor .....

Pentadbir Tanah

Daerah .....

6. Setelah tempoh lanjutan masa pembedahan yang diberikan seperti perintah subseksyen 129(4)(b) telah tamat dan tuan tanah berdaftar atau pihak berkepentingan masih tidak membetulkan pelanggaran syarat tersebut maka menurut peruntukan subseksyen 129(5)(b) Pentadbir Tanah boleh mengisytiharkan perintah perampasan tanah tersebut dan tanah menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri. Adalah dicadangkan bahawa contoh perintah tersebut adalah seperti berikut:-

***Perintah Pentadbir Tanah di bawah Seksyen 129(5)(b) Akta 828***

*Bahawasanya satu siasatan telah dibuat oleh saya pada ..... 20..... berikutan dengan satu notis dalam Borang 7B Kanun Tanah Negara (Disemak 2020) [Akta 828] yang disampaikan pada ..... 20.....*

*Bahawasanya saya berpendapat iaitu masa/tambahan masa patut diberi kepada tuan tanah berdaftar yang dimiliki menurut ..... (Perihal dan No. hakmilik) No. Lot/PT ..... Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... untuk memulihkan pelanggaran syarat tersebut dan tempoh selama ..... yang berakhir pada ..... 20 ..... telahpun dibenarkan.*

*Bahawasanya tuanpunya tanah telah gagal memulihkan pelanggaran syarat tersebut sehingga akhir tempoh yang dibenarkan.*

*Oleh itu saya dengan perintah selanjutnya ini mengisytiharkan tanah tersebut dirampas supaya terletak hak kepada Pihak Berkuasa Negeri.*

*Bertarikh pada ..... haribulan ..... 20.....*

*Mohor*

.....  
*Pentadbir Tanah*

*Daerah .....*

7. Setiap perintah yang dibuat menurut seksyen 100, subseksyen 129(4)(b), 129(4)(c) atau 129(5)(b) Akta 828 hendaklah dimasukkan ke dalam fail urusan yang berkenaan. Perintah-perintah yang dinyatakan di perenggan 3, 4, 5 dan 6 di atas tidak perlu diwartakan kerana menurut seksyen 130 Akta 828, Pentadbir Tanah adalah dikehendaki menyiarkan perampasan tanah akibat seksyen-seksyen 100 atau 129 Akta 828 dalam Warta satu pemberitahuan mengenai perampasan itu dengan menggunakan Borang 8A. Tarikh siaran pemberitahuan ini adalah menjadi tarikh perampasan (tarikh tanah itu terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri sebagai tanah Kerajaan) berdasarkan kepada peruntukan subseksyen 130(1) Akta 828.

8. Setelah pemberitahuan perampasan tanah dilaksanakan melalui pewartaan Borang 8A Akta 828, salinan pemberitahuan perampasan tanah tersebut perlulah disiarkan melalui kaedah-kaedah yang ditetapkan di bawah seksyen 433 Akta 828. Selain urusan penyiaran perampasan tersebut, selepas pemberitahuan perampasan tersebut disiarkan selaras dengan subseksyen 130(2) Akta 828, Pentadbir Tanah perlulah memasukkan dalam dokumen hakmilik daftar satu memorial perampasan tanah tersebut. Adalah dinasihatkan Pentadbir Tanah untuk memastikan bahawa tarikh memorial tersebut dengan tarikh penyiaran pemberitahuan adalah sama. Adalah dicadangkan contoh memorial tersebut adalah seperti berikut:-

*"Notis perkembalian Jilid No. .... Folio No.....  
Tanah ini telah dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri mengikut  
Warta Kerajaan Bil. .... bertarikh....."*

*Tarikh:.....*

*.....  
Pendaftar / Pentadbir Tanah"*

## **PEMBATALAN**

9. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 7 Tahun 1977 (Semakan 2007) bertajuk Perintah Perampasan Tanah dan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 36 Tahun 1977 (Semakan 2007) bertajuk Perampasan Tanah Milik Di Bawah Seksyen 130 Kanun Tanah Negara 1965 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

10. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG.BDK.100-1/3/1  
Tarikh : 21.5.2022.